

Mendekonstruksi Sejarah dalam Novel *1515*: Satu Penulisan Semula daripada Perspektif Golongan *Subaltern*

ROSMA DERAK

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu
rosmaderak@gmail.com

Abstrak Novel *1515* merupakan karya terbaik yang pernah dihasilkan oleh pengarang prolifik negara, Faisal Tehrani dan novel ini pernah memenangi tempat pertama Hadiah Sastera Kumpulan Utusan pada tahun 2002. Novel ini berbeza daripada novel-novelnya yang lain. Novel ini tampil dengan satu dimensi baharu, iaitu merubah semula sejarah Melaka yang ditawan oleh Portugis pada tahun 1511 yang telah diiktiraf sebagai sejarah yang benar. Justeru, kajian ini akan menggunakan satu kaedah yang muncul dalam kajian *subaltern*, iaitu kaedah ‘Deconstructing Historiography’ yang telah diperkenalkan oleh Ranajit Guha untuk menulis semula sejarah yang baharu daripada perspektif baharu. ‘Deconstructing Historiography’ atau penulisan semula sejarah merupakan satu strategi golongan yang dijajah atau golongan *subaltern* untuk tampil menentang hegemoni yang telah dikenakan oleh penjajah terhadap golongan yang dijajah. Hasil daripada kajian, didapati bahawa novel *1515* adalah novel pascakolonial yang mengangkat suara golongan *subaltern* dengan menjungkirbalikkan semula sejarah Melaka yang dikalahkan oleh Portugis pada tahun 1511. Faisal Tehrani mengubah dan meruntuhkan penulisan sejarah dengan memberi kemenangan kepada Melaka yang berjaya menawan Portugis pada tahun 1515 dengan menggunakan teknik buku sejarah ‘1515’, tesis PhD, teknik nota kaki, teknik *mimicry* dan menonjolkan watak wanita untuk menentang penjajah.

Kata Kunci: *Subaltern*, penulisan semula sejarah, novel *1515*, Faisal Tehrani, Melaka.

Abstract 1515 is the best piece ever written by nation’s prolific author, Faisal Tehrani and this novel has won first place of the 2002 Utusan Group Literary Prize. Unlike the others, this novel stands out with its revolutionary idea to alter the true history of the Conquest of Malacca by the Portuguese in 1511. This study uses the same method found in the subaltern study, the

'Deconstructing Historiography' method by Ranajit Guha, as a way to rewrite past histories into new perspective. The method was used by the subalterns to fight hegemony during the colonialism era. The findings of this study suggests that 1515 is a postcolonial piece to articulate the subalterns with its substantially modified history. Faisal Tehrani has made a significant revamp on the history and swapped the victor as Malacca has been made to win over the Portuguese in the year 1515 by using the approach of writing '1515' as an actual history book, the use of PhD theses, footnote technique, mimicry technique and also by potraying a woman's character in fighting colonialism.

Keywords: *Subaltern, deconstructing historiography, 1515, Faisal Tehrani, Melaka.*

PENGENALAN

Sejarah negeri Melaka sebagaimana yang tercatat di dalam buku sejarah, diterima sebagai sejarah yang benar-benar berlaku. Dalam konteks fiksiyen, sejarah ini boleh diubah mengikut keinginan seseorang pengarang. Itulah yang dilakukan oleh pengarang muda berbakat besar, Faisal Tehrani menerusi novelnya, *1515*. Jika dalam sejarah, Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, tetapi di tangan Faisal Tehrani menerusi *1515*, Melaka telah berjaya menakluk dan menawan Portugis pada tahun 1515. Walaupun hanya sekadar fiksiyen, tindakan yang dilakukan oleh Faisal Tehrani ini mampu mengubah persepsi masyarakat tentang kebenaran sesebuah sejarah sama ada sejarah tersebut telah dipadamkan oleh kuasa besar yang pernah menjajah negara ataupun sejarah itu hanya impian pengarang itu sendiri. Tindakan menjungkirbalikkan sejarah ini merupakan satu penentangan golongan yang dijajah terhadap golongan yang menjajah atau lebih dikenali sebagai tindakan pascakolonial. Justeru, novel ini memperlihatkan Faisal Tehrani yang berusaha untuk mengembalikan maruah negeri Melaka dengan menulis semula sejarah negeri Melaka.

Objektif kajian ini ialah mengkaji bagaimana Faisal Tehrani menulis dan mengolah semula sejarah negeri Melaka dalam novel *1515* daripada sudut pandang golongan *subaltern* atau golongan yang dijajah. Novel ini sesuai

dikaji dengan kaedah ‘Deconstructing Historiography’ iaitu kaedah yang digunakan oleh sejarawan di India untuk menulis semula sejarah. Kaedah ini bukan hanya memperlihatkan sejarah yang baharu, tetapi lebih kepada untuk memperdengarkan suara-suara golongan terpinggir yang telah dinafikan oleh penjajah. Suara-suara golongan terpinggir ini dilihat dalam konteks kajian pascakolonial, iaitu satu kajian yang memperlihatkan pertembungan di antara naratif besar yang diwakili oleh penjajah dengan naratif kecil yang diwakili oleh golongan yang dijajah atau golongan *subaltern*.

NARATIF 1515

Novel *1515* mengangkat tema sejarah negeri Melaka yang telah dikalahkan oleh Portugis pada tahun 1511. Pengarang menampilkan dua watak utama yang unik, iaitu Nyemah Mulya yang juga dikenali sebagai Tun Nyemah Mulya setelah berjasa kepada Kerajaan Melaka dan Adi Fimiyun seorang sejarawan yang cuba mencari hakikat sejarah yang baharu. Kedua-dua watak penting ini memperlihatkan hubungan dan interaksi yang agak luar biasa kerana hidup pada zaman yang berbeza. Nyemah Mulya hidup pada zaman Kesultanan Melayu Melaka telah berinteraksi dengan sejarawan Adi Fimiyun yang hidup pada masa kini. Menerusi hubungan dua hala tersebut, Nyemah Mulya membantah Melaka jatuh ke tangan Portugis dan mengajak Adi Fimiyun, bekerjasama dengannya mengubah sejarah kekalahan Melaka pada tahun 1511 kepada sejarah baharu yang memihak kepada negeri Melaka.

Novel ini mempunyai tiga lapisan cerita iaitu dalam lapisan pertama, diceritakan keinginan sejarawan Dr Adi Fimiyun yang ingin mengubah realiti sejarah menerusi tesis kedoktorannya yang bertajuk ‘Jejak-jejak Nyemah Mulya di Portugal.’ Niat untuk mengubah sejarah tersebut datangnya daripada Nyemah Mulya yang pernah hidup ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka yang meminta bantuan Adi Fimiyun untuk menulis semula sejarah tersebut. Lapisan kedua pula menceritakan peristiwa di Melaka pada tahun 1511 yang memperlihatkan kehebatan Nyemah Mulya yang berjaya menawan Lisbon dan mendirikan Kerajaan Melayu di sana. Melaka yang diwakili oleh Nyemah Mulya telah berjaya mengalahkan Portugis di bawah pimpinan Alfonso de Albuquerque semasa Portugis datang menyerang

Melaka pada tahun 1511 manakala, lapisan ketiga memperlihatkan versi sejarah yang telah diubah oleh pengarang apabila Melaka berjaya menawan kuasa besar Portugis.

SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan sorotan literatur, novel *1515* telah banyak dikaji oleh para sarjana daripada pelbagai aspek. Dalam konteks *subaltern* dan kaedah ‘Deconstructing Historiography,’ hanya Sohaimi Abdul Aziz yang pernah membincangkannya menerusi kertas kerja yang bertajuk ‘Deconstructing Historiography Sebagai Satu Pendekatan dalam Menulis Cereka.’ Kaedah ini merupakan gagasan Ranajit Guha dan rakan-rakannya untuk menulis semula sejarah India yang telah meminggirkan sejarah golongan bawahan di India. Penulisan semula sejarah oleh para sejarawan ini merupakan satu cara penentangan mereka terhadap golongan elit dan penjajah di India. Meskipun kaedah ini merupakan satu kaedah dalam sejarah, tetapi menurut Sohaimi Abdul Aziz, kaedah ini juga sesuai diaplikasikan dalam penulisan fiksi yang mengambil unsur sejarah di dalamnya. Kaedah ini telah diaplikasikan oleh Sohaimi Abdul Aziz (2007a) untuk menganalisis novel *One Hundred Years of Solitude* karya Garcia Marquez dan *1515* karya Faisal Tehrani. Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua buah novel tersebut berjaya menampilkan sejarah baharu dari sudut pandang golongan *subaltern*.

Seterusnya, dalam satu kertas kerja lagi yang bertajuk ‘Bolehkah *Subaltern* Bersuara dalam *1515*?: Satu Kajian Pascakolonial’, Sohaimi Abdul Aziz (2007b) telah mengaplikasikan esei ‘Can the *Subaltern* Speak’ gagasan Gayatri Chakravorty Spivak untuk menilai sama ada golongan *subaltern* boleh bersuara ataupun sebaliknya. Pengarang menjelaskan secara ringkas tentang *subaltern* dan membincangkan kaedah ‘Deconstructing Historiography’ sebagai satu kaedah penulisan semula sejarah untuk mengembalikan hak anak watan yang dijajah (golongan *subaltern*). Pendekatan ini telah diaplikasikan dalam novel *1515* karya Faisal Tehrani dan didapati novel *1515* cuba menyuarakan suara-suara *subaltern* yang sebelum ini dinafikan oleh wacana kolonial dengan teknik ‘Deconstructing Historiography.’ Walaupun kedua-dua kertas kerja Sohaimi Abdul Aziz ini membincangkan tentang kaedah ‘Deconstructing Historiography’ dan

golongan *subaltern* tetapi perbincangan dan analisis yang dilakukan oleh pengarang tidak mendalam dan rinci sebagaimana yang dilakukan oleh penulis dalam makalah ini.

KONSEP SUBALTERN

Istilah *subaltern* telah muncul dalam teori pascakolonial yang cuba menyuarakan suara-suara golongan yang terpinggir dan tertindas. Istilah ini telah dipopularkan oleh Antonio Gramsci, iaitu pemikir Marxis Itali. Menerusi esei 'On the Margins History: History of the Subaltern Social Group' yang ditulis pada tahun 1934, istilah *subaltern* digunakan oleh Antonio Gramsci untuk merujuk kepada golongan yang berkedudukan rendah atau '*of inferior rank*'.¹ Menurut Gramsci lagi "...*the term subaltern designates nonelite or subordinated social groups*" (dalam Landry & MacLean, 1996: 203).

Ranjit Guha seorang sejarawan dan pengkaji pascakolonial di India telah mengembangkan konsep *subaltern* dan mendefinisikan *subaltern* sebagai "...*the inferior rank*"... *This is expressed in terms of class, caste, age, gender and office or in any other way*" (1988: 35). Menurut Nyoman Kutha Ratna pula (2005: 189), istilah *subaltern* sebenarnya bererti perwira di bawah kapten, kemudian berkembang kepada makna orang tertindas, deskripsi tentang pelbagai kelompok yang didominasi dan dieksploitasi serta kurang memiliki kesedaran kelas.

Berdasarkan kepada definisi *subaltern* di atas, dapat disimpulkan bahawa *subaltern* merujuk kepada semua golongan manusia yang terpinggir atau berkedudukan rendah, sama ada dari segi kasta, kelas, usia, gender, pekerjaan, agama dan lain-lain. Dalam kajian pascakolonial, definisi *subaltern* merujuk kepada golongan yang dijajah yang telah ditindas, ditekan dan dipinggirkan oleh penjajah. Dalam hal ini, penjajah diwakili oleh Barat yang berpegang teguh kepada wacana kolonialnya. Justeru, kajian ini menggunakan istilah *subaltern* untuk merujuk kepada golongan yang dijajah iaitu orang Melayu (Islam) di Melaka.

KAEDAH 'DECONSTRUCTING HISTORIOGRAFI' DALAM PENGAJIAN *SUBALTERN*

Ranajit Guha dan rakan-rakannya Shahid Amin, David Arnold, Partha Chatterjee, David Hardiman dan Gyan Pandey mengambil pendirian yang ekstrem terhadap sejarah di India dengan menubuhkan *Subaltern Studies* atau Pengajian *Subaltern* pada tahun 1980-an untuk menulis semula sejarah India yang dikatakan milik golongan elit dan penjajah. Mereka mahu menulis sejarah India bermula dari rakyat bawahan kerana sebelum ini sejarah India telah didominasi oleh golongan elit dan penjajah sebagaimana yang disebut oleh Guha dalam petikan berikut:

The historiography of Indian nationalism has for a long time been dominated by elitism-colonialist elitism and bourgeois-nationalist elitism. Both originated as the ideological product of British rule in India, but have survived the transfer of power and been assimilated to neo-colonialist and neo-nationalist forms of discourse in Britain and India...

(Ranajit Guha, 1988: 37)

Oleh itu, kaedah 'Deconstructing Historiography'² atau penulisan semula sejarah telah digunakan oleh kumpulan Pengajian *Subaltern* ini untuk merealisasikan matlamat mereka. Melalui kaedah ini, golongan sejarawan ini cuba mendengar suara-suara kaum buruh/pekerja, orang pedalaman, orang-orang di luar pusat dan para *subaltern* yang selama ini tidak mendapat tempat dalam sejarah India. Dalam kajian ini juga mereka berusaha mengumpulkan sumber-sumber sosial golongan *subaltern* yang telah diabaikan oleh sejarawan elit dan sejarawan kolonial semasa berlangsungnya kolonialisme di India. Hasil daripada kesedaran itu, mereka berjaya menerbitkan buku sejarah India baharu dari versi 'orang dalam' selepas melihat dan mengkaji sendiri realiti sebenar masyarakat di India dengan kaedah 'Deconstructing Historiography.'

Penulisan semula sejarah oleh kelompok sejarawan ini merupakan salah satu bentuk penentangan pascakolonial dengan memperjuangkan nasib golongan *subaltern* yang terabai dalam konteks sejarah. Penulisan mereka juga melihat bahawa sejarah itu pada hakikatnya boleh diubah dan

tidak bersifat objektif. Dalam konteks fiksiyen, menurut Sohaimi Abdul Aziz (2007a: 5-6), penulisan sejarah tidak lagi berbeza dengan penulisan cereka kerana sejarah yang dibawa masuk oleh penulis cereka telah melalui proses pemilihan dan pentafsirannya semula yang dikenali sebagai ‘Deconstructing Historiography.’ Oleh hal yang demikian, kaedah ini dapat diaplikasi dalam novel *1515* yang memperlihatkan penulisan semula sejarah oleh Faisal Tehrani meskipun hanya dalam bentuk fiksiyen.

KAEDAH KAJIAN

Terdapat dua kaedah yang digunakan dalam kajian ini, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah bersifat kualitatif. Kaedah kepustakaan telah digunakan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan menerusi buku-buku dan kertas kerja. Kaedah ‘Deconstructing Historiography’ atau penulisan semula sejarah dijadikan sebagai landasan untuk mengkaji dan menganalisis teks *1515*.

SEJARAH NEGERI MELAKA

Menurut Muhammad Yusoff Hashim (1989: xxviii), Melaka ketika dahulu adalah sebuah pusat perdagangan yang penting di Nusantara. Sebagai kota atau bandar pelabuhan, kekuatan dan ketahanannya dapat dikekalkan sebab adanya kegiatan dan usaha-usaha berdagang secara besar-besaran. Malah, apabila diambil kira kedudukan Melaka sebagai kuasa kelautan Melayu, kegiatan dan usaha inilah yang mendasari faktor ekonominya. Faktor ini juga yang menjadikan Melaka sebagai kuasa di bahagian barat laut Nusantara yang cukup unggul. Melaka sebenarnya menjadi penyambung rangkaian laluan perdagangan di laut di antara bahagian timur dan bahagian barat dunia. Melaka menjadi sebahagian daripada sistem perjalanan dan perdagangan dunia yang amat penting sepanjang abad ke-15 dan beberapa abad selepas itu.

Dalam sejarah Kesultanan Melayu Melaka, kedatangan Portugis ke Melaka yang pada ketika itu merupakan emporium terkaya di Asia

Tenggara adalah untuk mendapatkan tapak bagi menguasai jalan laut yang merentasi Selat Melaka, di samping menguasai perdagangan yang merupakan sumber kemakmuran Melaka. Pada tahun 1509, Albuquerque menghantar Diogo Lopes de Sequeira menjelajah Melaka yang berakhir dengan penangkapan dan pemenjaraan Rut de Araujo dan 19 orang rakannya. Apabila Albuquerque menerima surat daripada Araujo yang memberitahu tentang keadaan di Melaka dan kekuatan pertahanannya, beliau mengambil keputusan untuk pergi ke sana sendiri dan jika perlu, merampas bandar itu. Maka, pada bulan April 1511, beliau belayar dari Goa dengan angkatan 18 kapal dan satu angkatan kecil yang mengandungi 800 askar Portugis dan 200 orang Malabar. Kapal beliau ialah *Flor de la Mar* yang telah tua dan tidak tahan. Ia dijadualkan belayar di luar pantai Sumatera dan dalam pelayaran pulang, ia dipenuhi dengan harta rampasan dari Melaka serta hadiah-hadiah yang diterima oleh Albuquerque. Pada 1 Julai, beliau belayar ke Pelabuhan Melaka dan melabuhkan sauh dengan diiringi bunyi trompet dan dentuman meriam selama setengah jam. Albuquerque berharap dapat membincangkan jalan penyelesaian yang aman terhadap perselisihan tentang pemenjaraan Araujo tetapi apabila beliau melihat sultan membuat persediaan seperti hendak berperang beliau pun mengambil keputusan untuk menyerang Melaka (T.F.Earle & John Villiers, 1995: 105).

Berdasarkan sejarah Melaka menurut Mohd. Jamil Mukmin (1994: 70), Melaka adalah pusat penyebaran Islam yang penting di seluruh Asia Tenggara. Kepadatan kegiatan perdagangan telah membantu perkembangan Islam secara langsung atau tidak langsung yakni, di samping menjalankan aktiviti perdagangan, pedagang-pedagang Islam juga telah memperkenalkan agama suci yang mereka anuti kepada penduduk-penduduk tempatan. Sifat-sifat mulia, keperibadian yang tinggi dan amalan-amalan agama yang dilakukan oleh pedagang-pedagang Islam telah mempengaruhi pemerintah, pembesar dan rakyat jelata untuk menerima agama yang dibawa oleh mereka.

Keagungan Melaka sebagai pusat perkembangan Islam juga menjadi salah satu faktor yang telah mendorong orang-orang Portugis-Kristian menaklukinya dalam usaha melemahkan pengaruh agama Islam dan mengembangkan agama Kristian (Mohd. Jamil Mukmin, 1994: 67). Mereka mahu memusnahkan apa

sahaja petanda yang boleh menghidupkan agama Islam. Inilah tujuan mereka datang ke Melaka yang pada tanggapan mereka adalah nadi kekayaan dan pusat agama Islam di Timur (Md. Redzuan Tumin, 1982: 4).

SEJARAH MELAKA DALAM 1515

Melaka dikatakan negeri yang sangat maju, makmur dan gilang-gemilang. Pada ketika itu, Melaka mempunyai tanah yang sangat luas dan merupakan negeri yang paling kaya. Melaka juga digambarkan sebagai pusat perdagangan yang penting dan menjadi tempat persinggahan pedagang-pedagang dari seluruh dunia untuk meniaga hasil dagangan mereka. Sebagai sebuah bandar pelabuhan Melaka, banyak kapal berlabuh di Melaka sehingga digambarkan ‘paling kurang tiga ratus tiga puluh buah kapal yang datang setiap musim pertukaran angin monsun.’ Barang-barang dagangan seperti beras, lada hitam, kapur barus, rempah, emas dan lain-lain lagi telah menjadikan pelabuhan Melaka sebagai pusat perdagangan yang terpenting di rantau Asia Tenggara (Faisal Tehrani, 2003: 25).

Ekoran daripada itu, Melaka telah berjaya menarik perhatian kuasa besar Portugis. Niat untuk menguasai seluruh Nusantara terutama untuk menguasai perdagangan menjadi pendorong kuat kepada Portugis untuk menakluk Melaka. Selain itu, faktor agama juga memainkan peranan penting kepada Portugis untuk mengembangkan ajaran Kristian dan menghapuskan ajaran Islam di Melaka. Ketakutan Portugis terhadap pengembangan ajaran Islam di seluruh Nusantara menjadi pendorong kuat kepada mereka untuk menghapuskan ajaran Islam di Melaka.

Novel *1515* mengetengahkan Portugis sebagai wakil penjajah yang begitu teguh dengan wacana kolonialnya dan menganggap bangsa dan negara mereka sahaja yang bertamadun. Mereka cuba mendefinisikan bangsa yang dijajah sebagai bangsa yang terkebelakang dalam semua segi. Fahaman atau cara Barat melihat bangsa yang dijajah ini ada hubungannya dengan fahaman orientalisme yang dikemukakan oleh Edward Said. Menurut Said (1978: 3), “*Orientalism as a Western style for dominating, structuring, and having authority over Orient.*”

Bagi Said, orientalisme adalah sikap dan strategi yang dianggap sebagai hegemoni besar penjajah terhadap negara yang dijajah. Melalui fahaman ini, penjajah beranggapan mereka perlu mentamadunkan negara yang dijajah yang dianggap sebagai mundur. Said juga melihat orientalisme sebagai satu stail pemikiran Barat yang didasarkan kepada ontologi dan epistemologi yang diwujudkan untuk membezakan antara Timur dan Barat, “*Orientalisme is a style of thought based upon an ontological and epistemological distinction made between “the Orient”... “the Occident”* (Said, 1978: 2). Perbezaan ‘the Orient’ dan ‘the Occident’ memungkinan Barat mendominasi, membentuk semula dan mengenakan autoriti mereka terhadap Timur. Dengan anggapan ‘the Orient’ iaitu timur sebagai mundur, maka ‘the Occident’ iaitu Barat telah mengenakan hegemoninya terhadap Timur yang dianggap sebagai golongan yang tidak bertamadun.

Buku *Orientalisme* tulisan Edward Said telah menjadi asas kepada pembentukan wacana kolonial, iaitu wacana penjajah seperti yang telah dijelaskan oleh Patrick Williams dan Laura Chrisman (1994: 5):

Orientalisme focused on what could be called colonial discourse—the variety of textual forms in which the West produced and codified knowledge about non-metropolitan areas and cultures, especially those under colonial control.

Berdasarkan wacana ini, Barat menganggap mereka wajar mentamadunkan Timur dengan segala ilmu pengetahuan yang dimiliki. Wacana ini bersifat berat sebelah dan menindas golongan yang dijajah dan lebih bersifat politik untuk mencapai cita-cita dan matlamat mereka.

Dalam 1515, kedatangan Portugis di Melaka bukan hanya untuk menjalankan aktiviti perdagangan tetapi juga untuk mengembangkan dan menyebarkan ajaran Kristian. Dengan tanggapan bahawa mereka lebih bertamadun, mereka memandang rendah golongan *subaltern* (yang diwakili oleh bangsa Melayu di Melaka) yang dianggap sebagai bangsa yang leka, bodoh dan hanya gemar berhibur. Begitu kata Deigo Lopes de Sequeira tentang bangsa Melayu di Melaka “...meski Melaka itu sebuah negeri yang kuat tetapi mereka bangsa Melayu, bangsa paling alpa di dalam dunia. Mereka juga tidak mengingat sesuatu dengan lama” (1515, hlm. 59). Tambah de Sequeira lagi;

...orang Melaka itu gemar amat menggelek buntut menari joget ronggeng, melentik jari-jemari berinang berzapin, berpantun berdondang sayang tergedik-gedik tanpa mempedulikan hal-hal lain di dunia ini. Kerana itulah mereka bodoh dan tidak akan dapat menewaskan Portugis.

(1515, hlm. 60)

Tanggapan de Sequeira terhadap orang Melayu di Melaka mencerminkan tanggapan serong penjajah yang bersifat berat sebelah. Mereka menganggap orang Melayu sebagai golongan yang bodoh dan lemah. Tambah mengaibkan apabila selepas berlakunya peristiwa rampasan Melaka oleh Portugis pada tahun 1511. Walaupun mendapat tentangan hebat daripada rakyat, Melaka akhirnya jatuh ke tangan Portugis. Kekalahan ini seolah-olah mewajarkan tafsiran Portugis dengan wacana kolonialnya yang menganggap golongan *subaltern* itu lemah sebagai satu kebenaran nyata dan perlu diterima umum.

Selain itu, Portugis juga berusaha untuk mengaburi mata orang Melayu dengan memperlihatkan segala kebaikan, kemegahan dan kehebatan mereka serta memberi jaminan bahawa pemerintahan mereka adalah yang terbaik berbanding dengan Kesultanan Melayu Melaka pada ketika itu. Mereka memburuk-burukkan pemerintahan pemimpin Melayu yang dianggap sebagai satu bentuk penyeksaan dan penindasan:

Mereka mengeluarkan domba yang pemerintahan Kesultanan Melayu sebenarnya adalah satu penyeksaan dan pemerintahan merekalah yang menjamin kebahagiaan dan menyokong Portugis bermakna tidak menyokong huru-hara.

(1515, hlm. 125)

Kehebatan dan kekuatan mereka juga ditunjukkan melalui pembinaan kubu A Famosa. Kubu ini menjadi simbol kekuatan bangsa penjajah yang tidak mungkin dapat ditewaskan oleh orang Melayu. Kubu A Famosa ini digambarkan begitu ampuh dan tidak lut kepada serangan meskipun dibedil berkali-kali sebagaimana yang tergambar dalam petikan, iaitu:

Terlalu hebat A Famosa hingga tak tembus serangan baginda sultan dan negeri-negeri Islam yang lain. Pada 1514, Jawa menyerang sia-sia. 1518, Sultan Bintang datang mengepalai bala tentera, juga tak

apa-apa. Sultan Aceh datang penuh perkasa pada tahun 1538, tidak dapat melanggar kota, begitu juga pada tahun 1572 dan 1573. Jawa menyerang lagi pada 1574 dan masuk pula Aceh semula pada 1575, berturut-turut A Famosa dibedil, tetapi bagaikan tidak lut oleh apa jua peluru...

(1515, hlm. 116)

Seterusnya, penjajah (diwakili oleh Albuquerque) beranggapan bangsa mereka sebagai bangsa yang gagah dan berani. Dengan angkuhnya, Albuquerque mempertikaikan kemampuan Nyemah Mulya dan menggelarnya sebagai ‘perempuan lacur’ meskipun tentera mereka kalah di tangan wanita tersebut. Begitu kata Albuquerque kepada Nyemah Mulya:

“Hai perempuan lacur, jangan kau sangka jika aku mati Portugis tak akan datang lagi. Kami ini pahlawan dan bangsa yang gagah berani, pasti akan ada pasukan perang lain datang menyerang.”

(1515, hlm. 201)

Keangkuhan dan keegoan Albuquerque menunjukkan bahawa Portugis tidak akan tunduk kepada golongan *subaltern* yang dianggap sebagai lemah dan bodoh itu. Albuquerque pasti, pasukan tentera mereka akan datang semula seandainya beliau dibunuh oleh Nyemah Mulya.

Portugis juga melihat Islam sebagai agama yang membawa kemunduran, kemiskinan, kealpaan dan segala macam hal yang negatif, sebaliknya Kristian adalah agama yang membawa kepada ketamadunan. Portugis melihat diri mereka sebagai jaguh Eropah yang telah diberi mandat untuk menegakkan bendera ‘God, Gold and Glory’ di setiap pelosok dunia. Oleh yang demikian, Kristian dan fahaman orientalisme yang dicetuskan oleh Edward Said itu mempunyai hubungan erat.

Sentimen anti agama Islam merupakan satu sisi orientalisme yang cukup menyerlah dalam novel *1515*. Faktor agama adalah faktor penting yang menjadi pendorong kepada Portugis untuk menakluk dan menjajah Melaka. Mereka mahu menunaikan hasrat suci mereka sebagai ‘utusan Tuhan’, iaitu menyebarkan ajaran Kristian kepada penduduk Melaka. Dengan berpegang kepada konsep *the white man’s burden*,³ mereka

mewajarkan segala tindakan mereka sebagai benar dan sah. Albuquerque percaya bahawa dirinya adalah ‘utusan Tuhan’ untuk menyebarkan ajaran Kristian yang dianggap sebagai ajaran yang benar, iaitu:

...Wizurai tua yang percaya dirinya ialah utusan Tuhan untuk menanam salib di atas setiap inci muka bumi...

(1515, hlm. 58)

Albuquerque juga berjanji untuk mengusir orang Islam dan melumpuhkan perdagangan golongan *subaltern* ini bagi membolehkan Portugis menguasai dunia:

...“sesungguhnya aku amat yakin untuk menyerang Melaka kerana azamku, setiap denyut jantung dan sedutan nafasku adalah untuk mengusir dan membunuh setiap pengikut Muhammad. Aku adalah hamba yang paling setia yang berkhidmat untuk Raja Manuel dan tidakkah kau nampak jika Portugis menguasai Selat Melaka, kita pasti dapat membunuh perdagangan orang Islam di Timur Tengah dan kita akan menjadi raja, melebihi Perancis dan Inggeris mahupun orang-orang Jerman di Eropah. Dengan menguasai Melaka, orang-orang Belanda akan berlutut di hadapan kita, sementara orang Sepanyol akan merangkak datang ke Lisbon untuk segala rempah.”

(1515, hlm. 174)

Petikan ini jelas memperlihatkan sentimen penjajah yang begitu membenci Islam. Mereka berhasrat untuk melumpuhkan segala yang berkaitan dengan Islam dan bercita-cita untuk menguasai seluruh dunia dan mendominasi kekayaan sumber asli negara-negara Islam. Mereka juga mahu Melaka ditadbir oleh Raja Manuel bagi membolehkan mereka memerintah dunia. Bagi melaksanakan misi itu, mereka bercadang untuk menjadikan Melaka sebagai pusat penyebaran dan pengembangan agama Kristian yang penting di seluruh Nusantara. Mereka mengajak umat Islam menganut ajaran Kristian dan mengancam serta mengugut untuk membunuh orang-orang Melayu yang tidak mahu mengikut telunjuk mereka sehingga menyebabkan ramai yang murtad:

...orang-orang Melayu yang takut dibunuh dan ngeri akan ancaman Feringgi itu makin ramai pula yang murtad....Melayu itu lazimnya Islam.

(1515, hlm. 109)

Pembinaan gereja juga merupakan salah satu simbol keangkuhan Portugis untuk mencapai hasrat mereka agar dapat menegakkan ajaran Kristian di bumi Melaka. Gereja adalah pusat utama bagi golongan penjajah untuk menyebarkan ajaran Kristian kepada umat Islam. Dalam kota A Famosa, Portugis telah membina lima buah gereja, termasuk gereja besar *Our Lady of Assumption* yang dibina di atas puncak bukit dengan rumah api serta biara untuk melatih orang Melaka jadi murtad (1515, hlm. 117). Ketaksuban Portugis untuk menyebarkan ajaran Kristian kepada penduduk Melaka berkait rapat dengan perkembangan ajaran Islam di negeri itu yang dikatakan mampu menghalang usaha mereka untuk melaksanakan misi penaklukan ke atas Melaka.

Kekalahan Melaka pada tahun 1511 merupakan satu sejarah hitam bagi seluruh bangsa Melayu, sama ada dalam bidang politik, ekonomi, kebudayaan mahupun pendidikan. Kedatangan Portugis merupakan perintis jalan kepada bangsa-bangsa Eropah lain menjajahi Tanah Melayu kemudiannya, secara silih berganti selama lebih kurang lima abad. Portugis memerintah Melaka selama 130 tahun iaitu dari tahun 1511 sehingga ke tahun 1641. Seterusnya, tampuk pemerintahan telah diambil alih oleh kuasa Belanda, Inggeris dan Jepun. Dalam periodisasi yang begitu lama, bangsa penjajah yang bersendikan fahaman Kristian itu berjaya menguasai hampir seluruh aspek kehidupan orang-orang Melayu terutama dalam bidang politik, ekonomi, kebudayaan dan pendidikan (Abdullah Ishak, 1992: 168).

MENDEKONSTRUKSIKAN SEJARAH DALAM *1515*

Menerusi *1515*, fakta sejarah telah digabungjalinkan dengan unsur imaginasi dan kreativiti sehingga apa yang diceritakan dalam novel *1515* seolah-olah benar-benar berlaku dalam sejarah. Faisal Tehrani telah mencipta historiografi Melaka yang berlainan dengan sejarah Melaka yang sebenar dengan kaedah mendekonstruksikan historiografi yang muncul dalam pengajian *subaltern*.

Dalam hal ini, *1515* telah mengemukakan dua lapisan historiografi yang telah ditulis oleh pengarang dengan membina watak Adi Fimiyyun yang menulis historiografi Melaka. Faisal Tehrani telah mengubah dan merombak semula sejarah Melaka secara fiksiyenal dan baginya perkara tersebut tidak jauh berbeza dengan menulis sejarah sebenar. Pemikiran Faisal Tehrani ini terserlah menerusi watak Profesor Nyemah Mulya dalam *1515*:

“Ya, sejarawan itu memilih, memudahkan, merancang dengan mengenyepikan apa yang penting untuk dimasukkan dalam sejarah atau apa yang tidak perlu... dalam erti kata lain, sejarawan sebenarnya sejenis penulisan fiksiyen juga.”

(1515, hlm. 56)

Faisal Tehrani telah menulis semula sejarah negeri Melaka, kemudian meruntuhkan sejarah tersebut dengan mewujudkan dua lapisan cerita dengan teknik penulisan tesis doktor falsafah oleh sejarawan Adi Fimiyyun, buku sejarah ‘1515’, teknik penulisan nota kaki, teknik *mimicry* dan menonjolkan watak wanita untuk meruntuhkan penulisan sejarah yang ditulis oleh Barat.

Teknik Penulisan Tesis dan Buku Sejarah ‘1515’

Teknik penulisan tesis kedoktoran oleh Dr. Adi Fimiyyun bertajuk ‘Jejak-jejak Nyemah Mulya di Portugal’ dan buku sejarah ‘1515’ memperlihatkan sejarah negeri Melaka telah ditulis semula secara fiksiyenal untuk menentang wacana kolonial dalam versi historiografi yang baharu. Dengan kaedah mendekonstruksikan historiografi, Faisal Tehrani adalah wakil golongan *subaltern* atau wakil golongan yang dijajah pada hari ini yang menentang wacana kolonial. Penentangan dalam bentuk penulisan sejarah adalah salah satu strategi kepada golongan *subaltern* untuk menentang dan meruntuhkan wacana kolonial. Dalam tesis kedoktoran Adi Fimiyyun, pengarang melukiskan imej penjajah dengan memberi gambaran berikut:

Orang Portugis itu serupa babi juga tuanku. Serupa anjing, serupa danawa⁴ hodoh, serupa celeng mulut panjang,⁵ serupa mundi⁶ hutan Puntianak.

(1515, hlm. 105)

Dalam usaha menyiapkan buku '1515' pula, Adi Fimiyun telah diserang penyakit amnesia selepas berlakunya kemalangan kapal layar. Bagi mengubati penyakit tersebut, isterinya Maude sering membawanya menjalani terapi dan semasa dalam proses terapi itu Nyemah Mulya hadir dalam minda sedarnya. Kemunculan roh Nyemah Mulya adalah untuk mengajak Adi Fimiyun bekerjasama dengannya untuk merubah sejarah:

Kanda Adi Fimiyun dan hamba bergabung tenaga-merubah sejarah.
Kita akan menulis semula keaiban ini menjadi satu kegemilangan.

(1515, hlm. xi)

Kehadiran Nyemah Mulya juga boleh dilihat menerusi penggunaan frasa 'hantu-hantu sejarah' yang menurut Adi Fimiyun tidak mahu menerima hakikat Melaka jatuh ke tangan Portugis:

...sudah beberapa kali saya dihubungi "hantu-hantu sejarah" ini yang tidak mahu menerima hakikat bahawa bangsa Melayu dan negeri Melaka lama dulu pernah salah jurusan dan bahananya masih dirasai sehingga saat ini. Mereka ialah "roh-roh masa lampau" yang tidak tenang. Tidak dapat bersemadi dengan aman kerana dikhianati sejarawan palsu. Peranan dan suara mereka barangkali disisihkan. Kerana itu mereka muncul memberontak, bangkit dari pusara masa...

(1515, hlm. 2-3)

Dengan kemunculan Nyemah, Adi Fimiyun mendapat maklumat tambahan tentang kisah Nyemah Mulya yang hidup pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dalam usahanya menyiapkan buku '1515'. Mereka berdua akhirnya berpadu tenaga untuk menulis semula sejarah kekalahan Melaka kerana Nyemah membantah keras kejatuhan Melaka ke tangan Portugis:

...tak sepatutnya Melaka jatuh ke tangan Feringgi itu semua. Tak sepatutnya Melaka tinggal berpindah tangan dari satu bangsa Barat ke satu bangsa Barat yang lain. Melaka sebetulnya kuat dan boleh dipertahankan. Malah hamba punya rencana dan muslihat untuk menewaskan mereka. Kerana dalam bidang perang bukan kuat sahaja menjadi perkiraan tetapi juga kepandaian dan tipu daya serta semangat bertunjangan iman yang padu dalam berjihad.

(1515, hlm. 36)

Justeru dengan kaedah ‘Deconstructing Historiography,’ sejarah kekalahan Melaka telah dirombak semula oleh Adi Fimiyun untuk meruntuhkan wacana kolonial penjajah. Melaka telah berjaya mengalahkan Portugis pada tahun 1515 dan berjaya membunuh ketua perang Portugis, iaitu Alfonso de Albuquerque. Seterusnya, Melaka di bawah pimpinan Nyemah Mulya berjaya menakluk dan menawan Lisbon, Portugal. Walaupun terdapat pelbagai versi cerita tentang cara Nyemah Mulya berjaya menakluk Lisbon, tetapi bagi Adi Fimiyun ...*Nyemah telah berjaya menakluki Lisbon. Itu sudah tercetak dalam sejarah meski dinafikan sama sekali, dipadam dan tidak ditulis (1515, hlm. 222).*

Teknik Penulisan Nota Kaki

Teknik mendekonstruksikan sejarah juga dapat dilihat apabila pengarang mengambil sejarah Melaka yang hadir daripada teks-teks yang lain. Penggunaan sumber baharu ini telah memunculkan fakta-fakta sejarah yang baharu. Hal ini dapat dilihat menerusi penggunaan nota kaki yang banyak. Sebagai contoh, tesis Adi Fimiyun yang bertajuk ‘Jejak-jejak Nyemah di Portugal’ dikatakan oleh Faisal Tehrani sebagai sebuah buku pengembaraan berhubung kempen perang Nyemah Mulya ke atas Portugal pada 1511-1515 yang telah menimbulkan kontroversi di Portugal, tetapi tetap diterima hangat di negara tersebut (1515, hlm. 4). Sejarah Melaka diadunkan dengan peristiwa sejarah lain yang melibatkan fakta dan simbol-simbol sejarah Portugal dan Islam. Penggunaan nota kaki ini membuktikan novel 1515 seolah-olah buku sejarah yang betul. Faisal Tehrani memberi gambaran sedemikian untuk mengganggu dan mengelirukan pembaca kerana fakta sejarah dan fiksi sudah bercampur aduk.

Fakta-fakta sejarah yang telah dikutip dari sumber-sumber yang baharu telah berjaya memperbaharui penulisan sejarah negeri Melaka. Dalam konteks ini, Adi Fimiyun adalah sejarawan yang berperanan dalam mengumpul fakta-fakta sejarah yang berkaitan dengan Melaka dan menghasilkan buku sejarah ‘1515.’ Faisal Tehrani mencipta watak lelaki yang diwakili oleh Adi Fimiyun sebagai ahli sejarah untuk merealisasikan usahanya mendekonstruksikan historiografi yang lama itu. Selain itu, usaha ini dilihat sebagai strategi untuk meruntuhkan wacana kolonial penjajah.

Dalam *1515*, sejarah kekalahan Melaka telah diberikan sebab-sebab yang baharu. Salah satu sebab Melaka kalah di tangan Portugis ialah surat-surat daripada Nyemah Mulya kepada Tun Fatimah tentang kerisauan Nyemah akan pembinaan kota A Famosa tidak dipedulikan.

Teknik *Mimicry* (Ejekan)

Faisal Tehrani telah menggunakan salah satu teknik yang sesuai untuk mengkaji novel pascakolonial, iaitu teknik *mimicry*. Teknik ini merupakan teknik peniruan untuk mengangkat kembali maruah golongan yang dijajah. Menurut Ashcroft, Griffiths dan Tiffin (1998: 140):

Mimicry reveals the limitation in the authority of colonial discourse, almost as though colonial authority inevitably embodies the seeds of its own destruction.

Menerusi *1515*, teknik *mimicry* dilihat dalam dua aspek, iaitu negara dan watak. Dalam aspek negara, Faisal Tehrani telah mengejek dan memperolokkan kuasa besar Portugis yang tidak berjaya mengkristiankan umat Islam di Melaka. Sebaliknya, umat Islam atau golongan *subaltern* yang diwakili oleh Nyemah Mulya pula telah berjaya mengislamkan sebahagian daripada penduduk Portugal. Melalui buku 'Jejak-jejak Nyemah Mulya di Portugal,' Adi Fimiyun memperlihatkan bagaimana Nyemah Mulya telah berjaya mengislamkan dan mengembangkan komuniti Islam di Nazare. Kisah pengislaman ini cukup menarik:

Nyemah dikatakan memasak sebiji pau dan di hadapan masyarakat Nazare dia menyebut: "Ya Allah Ya Qawwiy", sebelum mencubit sedikit kuih itu untuk diberikan kepada semua penduduk. Dengan kuasa Tuhan, secubit pau dapat mengenyangkan seluruh penduduk Nazare. Ramailah penduduk Nazare memeluk Islam oleh kejadian itu...

(*1515*, hlm. 241)

Kisah pengislaman ini memperlihatkan unsur magis sama seperti kisah pengislaman Raja Kecil Besar dalam *Sejarah Melayu*. Teknik ini digunakan oleh Faisal Tehrani untuk tujuan yang sama, iaitu peristiwa

pengislaman dalam novel *1515* walaupun senarionya berbeza. Dalam *Sejarah Melayu* dikatakan Islam berkembang bermula daripada golongan raja bagi mengangkat kehebatan raja. Tetapi dalam *1515* pula, Faisal Tehrani mengangkat watak wanita yang mewakili golongan rakyat. Tujuannya adalah untuk menjadikan golongan penjajah itu setaraf dengan golongan yang dijajah. Kejayaan Nyemah Mulya menyebarkan Islam di Portugal ini merupakan satu *mimicry* yang menyindir dan memperolokkan penjajah.

Selain itu, perbuatan *mimicry* juga dilihat menerusi watak Nyemah Mulya yang digambarkan sebagai seorang srikandi yang memiliki kebolehan luar biasa. Watak Nyemah adalah satu *mimicry* kepada Albuquerque. Albuquerque dikatakan sebagai pahlawan Portugis yang gagah dan cekap dalam bermain senjata telah dimimikkan oleh watak Nyemah. Dalam buku '1515' Nyemah telah berjaya membunuh Albuquerque dan mengalahkan Portugis semasa Portugis menyerang Melaka. Teknik *mimicry* ini dapat dilihat apabila Nyemah berjaya mendirikan kerajaan Melayu di Portugal Eropah, selepas Lisbon jatuh ke tangan Melaka pada tahun 1515. Orang Melayu memerintah di sana dengan bantuan Sepanyol sehingga tahun 1580 apabila kuasa Melayu mula merosot di Eropah (*1515*, hlm. 211).

Kubu A Famosa pula merupakan lambang kekuatan wacana kolonial yang mengatakan bahawa mereka hebat dan bertamadun. Pembinaan kubu ini merupakan satu strategi Portugis untuk menguasai Melaka dan orang Melayu. A Famosa dikatakan telah dibina oleh Portugis melalui tesis 'Jejak-jejak Nyemah Mulya' yang menggambarkan kekalahan Melaka di tangan Portugis. Walau bagaimanapun menerusi buku '1515', iaitu sejarah yang baharu, Melaka telah berjaya mengalahkan Portugis di bawah pimpinan Nyemah Mulya. Kekalahan Portugis membuktikan bahawa semangat kubu sebagai kota pertahanan yang serba canggih itu sudah tidak ada lagi. Walaupun tersergam indah, kubu ini akhirnya berjaya dikalahkan oleh orang Melayu. Kekalahan Portugis sebagai kuasa besar ketika itu adalah simbol kepada kekalahan kubu A Famosa. Simbol keangkuhan ini telah dilenyapkan oleh pengarang secara fiksiyenal walaupun kubu ini masih kekal sehingga ke hari ini di Melaka.

Penonjolan Watak Wanita

Dalam *1515*, pengarang memperlihatkan kehebatan wanita dengan menonjolkan watak Nyemah Mulya sebagai wali Allah. Sebelum mengandung, ibunya yang merupakan salah seorang dayang Puteri Onang Kening telah didatangi mimpi bahawa bayi yang bakal dilahirkannya itu adalah wali Allah. Justeru dalam usia yang sangat muda lagi (ketika itu baharu berusia lima tahun), Nyemah Mulya dihantar oleh ayahnya belajar agama di Makkah. Apabila pulang semula ke Melaka, Nyemah diajar pelbagai ilmu termasuk mempelajari pelbagai bahasa, ilmu persilatan dan pertempuran. Ayahnya banyak mengajar Nyemah Mulya cara menggunakan pelbagai peralatan senjata dan helah untuk menipu musuh.

Selain itu, Nyemah Mulya juga bertapa bagi mendapatkan tenaga dalamnya dan belajar silat gayung ghaib dan pelbagai jenis ilmu persilatan berjaya dikuasai berbekalkan didikan daripada Pak Alang Montan. Semenjak daripada itu, Nyemah Mulya berkebolehan untuk melayang di udara. Kebolehan yang luar biasa ini diperoleh hasil daripada usaha yang tidak pernah mengenal putus asa. Sebelum mempraktikkan ilmunya, Nyemah Mulya didatangi mimpi yang memberitahu dirinya sudah bersedia untuk menjadi pendekar:

...hamba didatangi mimpi yang hamba sudah mahir dan bersedia menjalani hidup sebagai pendekar. Dalam mimpi hamba itu, Imam Ali datang menyerahkan kain sutera pancawarna...Hamba dalam mimpi naik ke langit sampai paras tujuh dan kala turun semula dicelup ke dalam laut...Sesudah itu hamba diberitahu hamba sudah lengkap berilmu...

(1515, hlm. 31-32)

Dengan kebolehan luar biasanya, Nyemah telah dilantik oleh Sultan Mahmud Syah untuk mengepalai tentera Melaka untuk menentang Portugis. Di bawah pimpinan Nyemah, Melaka telah berjaya mengalahkan Portugis dan akhirnya berjaya menawan Lisbon.

Pengarang berjaya mengangkat watak wanita ini di dalam buku ‘1515’ yang diwakili oleh sejarawan Adi Fimiyun untuk mendekonstruksikan sejarah yang dimonopoli oleh Barat dengan tujuan mempersenda penjajah yang menganggap bangsa mereka sebagai bangsa yang kuat. Penonjolan watak wanita yang dianggap lemah tetapi akhirnya berjaya mengalahkan Portugis yang menganggap diri mereka sebagai kuasa besar menunjukkan bagaimana pengarang memperolokkan penjajah.

KESIMPULAN

Dengan mengaplikasikan kaedah mendekonstruksikan sejarah yang muncul dalam Pengajian *Subaltern*, Faisal Tehrani menerusi *1515* secara fiksyenal telah menulis semula sejarah Melaka yang dikalahkan oleh Portugis pada tahun 1511 untuk meruntuhkan wacana kolonial. Golongan *subaltern* atau golongan yang dijajah dalam novel *1515* adalah orang Melayu atau umat Islam. Orang Melayu diwakili oleh sejarawan Adi Fimiyun pada zaman kini dan srikandi Nyemah Mulya yang hidup pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Mereka adalah golongan *subaltern* yang dapat bersuara untuk menentang dan meruntuhkan wacana kolonial dengan menggunakan sejarah. Dalam *1515*, wacana kolonial jelas digambarkan. Pertembungan di antara golongan yang dijajah dengan penjajah telah menimbulkan konflik kerana berbeza fahaman dan akhirnya menimbulkan pertelingkahan antara kedua belah pihak. Faisal Tehrani memperlihatkan Albuquerque sebagai wakil penjajah yang begitu angkuh dan bangga dengan negaranya telah menafikan segala milik golongan yang dijajah. Peleraian konflik ini berlaku melalui kaedah menulis semula sejarah apabila berlaku peristiwa sebaliknya dalam sejarah apabila Melaka berjaya menawan kuasa besar Portugis.

NOTA

- ¹ Istilah *subaltern* ini ada dibincangkan dalam buku *Post Colonial Studies: The Key Concepts* tulisan Ashcroft Bill, Gareth Griffiths dan Helen Tiffin, 2000, hlm. 177.
- ² Perbincangan lanjut tentang *Subaltern Studies: Deconstructing Historiography* lihat Ranajit Guha dan Gayatri Chakravorty Spivak, 1988. *Selected Subaltern Studies*, hlm. 3 – 32.
- ³ Telah dipopularkan buat pertama kali oleh Rudyard Kipling, seorang penulis terkenal yang berjiwa imperialis, terutamanya sekitar penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20. Perkara tersirat di sebalik rangkaian kata itu ialah bangsa kulit putih memangnya bertamadun dan mereka mempunyai beban, iaitu tanggungjawab untuk memajukan bangsa-bangsa kulit berwarna yang mendiami kawasan-kawasan di Asia dan Afrika. Dengan itu, bermakna juga bahawa bangsa kulit putih berhak untuk menjajahkan bangsa-bangsa kulit berwarna yang dikira sebagai manusia yang kasar dan perlu ditamadunkan mengikut lunas-lunas kebudayaan Barat. Lihat, Fadhullah Jamil, 2000, hlm. 12.
- ⁴ *Danawa* bermaksud gergasi. Lihat, 1515, hlm. 105.
- ⁵ *Celeng mulut panjang* bermaksud babi hutan 1515, hlm. 105.
- ⁶ *Mundi* bermaksud unka liar berbuntut merah 1515, hlm. 105.

RUJUKAN

- Abdullah Ishak. (1992). *Islam di Nusantara (khususnya di Tanah Melayu)*. Selangor: Pusat Islam. Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Ashcroft, Bill, Gareth Griffiths & Helen Tiffin. (1998). *Key concepts in post-colonial studies*. London dan New York: Routledge.
- _____, (2000). *Post colonial studies: the key concepts*. London & New York: Routledge.
- Earle T.F & John Villiers. (1995). *Albuquerque Caesar timur: Teks-teks pilihan daripada Alfonso de Albuquerque dan Anaknya* (terj.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Fadhullah Jamil. (2000). *Islam di Asia Barat moden: Sejarah penjajahan dan pergolakan*. Selangor: Thinker's Library.
- Faisal Tehrani. (2003). *1515*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Guha, Ranajit & Gayatri Chakravorty Spivak. (1988). *Selected subaltern studies*. New York: Oxford University Press.
- Landry, Donna & Gerald MacLean. (1996). *The spivak reader. Selected works of Gayatri Chakravorty Spivak*. New York & London: Routledge.
- Md. Redzuan Tumin. (1982). Sejarah Melaka sepintas lalu. Dlm. *Gambar-gambar Melaka in pictures*. Kuala Lumpur: Syarikat Indah.
- Mohd. Jamil Mukmin. (1994). *Melaka pusat penyebaran Islam di Nusantara*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Muhammad Yusoff Hashim. (1989). *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nyoman Kutha Ratna. (2005). *Sastera dan cultural studies: Representasi fiksi dan fakta*. Pustaka Pelajar: Yogyakarta.

- Said, Edward W. (1978). *Orientalism*. London & Henley: Routledge & Kegan Paul.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2007a). Deconstructing Historiography sebagai satu pendekatan dalam menulis cereka. Kertas kerja Seminar Penulisan Cereka. Kuala Lumpur. Anjuran Jabatan Penulisan, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2007b). Bolehkah *subaltern* bersuara dalam *1515: Satu kajian pascakolonial*. Kertas kerja ini belum dibentangkan di mana-mana Bengkel/ Seminar/ Persidangan.
- Williams, Patrick & Laura Chrisman. (1994). "Colonial discourse and post-colonial theory. An Introduction." Dlm. Patrick Williams & Laura Chrisman (ed.). *Colonial discourse and post-colonial theory. A Reader*. New York: Columbia University Press.